

KWP minta Labuan lebih tegas

Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO BERNAMA

Putrajaya: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) meminta semua agensi dan penguat kuasa di Labuan bertindak tegas dan mengehendkan aktiviti kepada sektor kritikal sahaja bagi membendung penularan Covid-19 di wilayah berkenaan.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, sektor tidak kritikal perlu menghentikan operasi dalam tempoh dua minggu.

"Saya mahu tindakan tegas lebih berkesan daripada semua agensi dan penguat kuasa di Labuan. Saya minta pihak industri untuk berkorban terutamanya dalam sektor marin, perkapalan, minyak dan gas serta pengangkutan untuk hadkan aktiviti kepada yang kritikal sahaja.

"Bagi sektor tidak kritikal, kita minta hentikan dalam tempoh dua minggu. Kita mesti tegas bersama," katanya menerusi ciapan di Twitter, di sini hari ini.

Annuar berkata, berikutan itu pihaknya turut mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan (JPBD Labuan) untuk membincangkan tindakan yang perlu diambil di wilayah berkenaan.


Trending



10 tahun sembunyi dalam bilik kekasih



Polis tahan lori bawa pekerja kilang positif Covid-19



Sisi negatif kerja dari rumah mula kelihatan



Tertukar bayi: Siti Jamumall dan Diana Hanani cadang ambil tindakan undang-undang



Nourul sekeluarga bakal berhijrah ke luar negara



Watak ciptaan Mamat Khalid

Katanya, pihaknya turut mengadakan perbincangan dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Katanya, satu pelan tindakan khusus sudah diputuskan untuk penularan kes di Labuan dan diharapkan tindakan segera dapat diambil.

"YB KJ (Khairy Jamaluddin) juga sedang mengatur tindakan khusus bagi program vaksinasi di Labuan dan beliau bersetuju untuk mengadakan operasi suntikan secara besar-besaran iaitu 30,000 dos pada minggu ini manakala YB Rina sedang menguruskan bantuan kebajikan," katanya.

Semalam media melaporkan, JPBD Labuan melaksanakan sekatan pergerakan penuh (lockdown) bersasar di lapar lokaliti di wilayah berkenaan.

Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh secara bersasar itu berkuat kuasa 15 hingga 28 Jun dan ia dilaksanakan selepas mengenal pasti lapar lokaliti itu sebagai lokasi panas Covid-19.

Lokasi berkenaan membabitkan bandar Labuan, Sungai Keling, Bukit Kalam, Patau-Patau, Taman Mutiara, Layangan, Durian Tunjung dan Tanjung Aru.

Sehingga kini Labuan sudah mencatatkan sebanyak 6,042 kes termasuk pertambahan kes baharu hari ini iaitu 158 kes.

- [Lagi berita berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan](#)
- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 13, 2021 @ 4:48pm

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR

[Penduduk setinggan atas air diarah pakai gelang tangan kuarantin](#)



MUTAKHIR

[2 negeri mohon laksana PKP - Annuar](#)



MUTAKHIR

[Wilayah Persekutuan sasar imuniti kelompok hujung Ogos ini \[METROTV\]](#)



MUTAKHIR

[Sambutan Hari Wilayah Persekutuan secara norma baharu](#)

Mutakhir



[243 rakyat Indonesia terima sumbangan makanan](#)



[Fama Sabah agih 4 tan bahan makanan di kawasan PKPD](#)




[Bantulah wira kita untuk terus berjuang](#)




[Kerajaan diminta pertimbang semula subsidi minyak, minyak masak](#)



[Polis tahan lori bawa pekerja kilang positif Covid-19](#)



[Paip lori tangki ke penyimpanan oksigen bocor cetus kepulan asap](#)



Calculate how much you could win investing...
Smart Investment



Dubai Villa Prices Fall to Lowest Point in...
Mansion Global



David and Victoria Beckham's Net Worth...
Mansion Global

[Read more](#)



Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,...
Mansion Global



Comfortable Mattresses in 2021 Might Be...
Mattresses | Search A...



What Happens When Kamala Harris Lives in...
Mansion Global



Petaling Jaya: Liquidation Of Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads



Why does Thailand have a high number of...
CNA Insider

[Read more](#)

MyResipi



Tips Mudah Kopek Kerang, Supaya Isi Tidak Hancur & Kekal Cantik



Resepi Kuey Teow Goreng Sup Siam, Terlajak Sedap!



Tips Bagi Mengekalkan Kelembutan Daging, Confirm Tak Liat!



Lembut & Berlemak, Ini Cara Buat Agar-Agar Susu Kotak Viral, Senang Je!



Petua Orang Dulu, Ini Cara Goreng Telur Supaya Tidak Meletup & Bebas Percikan Minyak

